

25/09/1998

Malaysia perlu berusaha jadi pusat IT

Saidon Idris

MALAYSIA perlu berusaha menempatkan diri sebagai pusat multimedia dan teknologi maklumat (IT) dunia bagi mengekalkan daya saing serta kadar pertumbuhan ekonominya.

Menurut Laporan Penggal Pertama Majlis IT Kebangsaan (NITC), yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam, dalam hal ini, projek Koridor Raya Multimedia (MSC), adalah antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi matlamat berkenaan.

Ini kerana MSC dalam tempoh jangka panjang akan membantu menggerakkan pertumbuhan di dalam produktiviti menerusi pembangunan kelompok syarikat IT, serta multimedia tempatan ke taraf dunia yang makin mempunyai daya saing yang tinggi.

Pada masa yang sama projek itu juga akan membantu Malaysia melonjakkan diri sebagai pemimpin dalam era maklumat dengan mewujudkan perkongsian pintar dengan syarikat tempatan dan asing.

Laporan itu menambah, MSC juga akan turut membantu iaitu bertindak sebagai jambatan yang menghubungkan Malaysia dengan bandar raya pintar lain bagi manfaat bersama.

Menurut laporan penggal pertama NITC itu, sejak 18 bulan yang lalu, projek MSC sudah berkembang dengan begitu pesat.

"Bukan saja ia setahun ke hadapan daripada jadual asalnya, tetapi MSC juga turut menarik sebahagian daripada syarikat IT utama di dunia seperti Motorola, NEC, Lucent Technologies, Acer dan Sun Microsystems," kata laporan itu.

Laporan itu menjelaskan, sehingga kini sebanyak 224 permohonan diterima untuk mendapatkan status MSC dan 154 permohonan sudah diluluskan.

"Dengan komitmen pelaburan sebanyak RM4 bilion setakat ini, MSC dijangka akan menyaksikan pendapatan digabungkan sebanyak RM15 bilion dengan keuntungan berjumlah RM5 bilion menjelang tahun kelima operasinya," kata laporan itu.

Menurut laporan itu lagi, dengan meningkatkannya pelaburan syarikat perniagaan dalam IT, dunia kini menyaksikan kemunculan ekonomi era baru iaitu ekonomi digital, dan sehubungan itu, menjelang tahun 2002, perdagangan elektronik (e-commerce) dunia dijangka akan mencapai AS\$300 bilion (RM1,140 bilion).

Katanya, oleh kerana dalam ekonomi baru itu maklumat dan produk berasaskan pengetahuan adalah sumber serta komoditinya, transaksi urusan niaga tidak lagi dilaksanakan di atas kaunter tetapi melepasi sempadan dan tanpa batasan sempadan.

Justeru, proses perniagaan, fungsi pengantara dan sistem kewangan perlu diubah bagi disesuaikan dengan ekonomi baru itu.

"Malah akhirnya, ia akan memerlukan satu sistem kawal selia menyeluruh bagi menguruskan pergerakan maklumat dan sumber berasaskan maklumat itu," katanya.

Menyedari hakikat itu, laporan itu berkata, kerajaan menubuhkan sebuah Jawatankuasa E-Commerce Kebangsaan (NECC) membuat Rangka Kerja Kebangsaan Bagi E-Commerce yang akan menyediakan arah tuju strategik, serta menyelaraskan kegiatan pembangunan perdagangan elektronik di negara ini.

Dalam aspek ini, jawatankuasa itu mengenal pasti enam bidang utama yang berkaitan dengan pembangunan perdagangan elektronik iaitu, kawal selia, isu berkaitan kewangan, perundangan, keselamatan, capaian pasaran dan juga risikan ekonomi.

Laporan itu menambah, bagi menyelesaikan isu yang terbabit, dua jawatankuasa kecil di bawah NECC, iaitu Jawatankuasa Kecil Prasarana E-Commerce (EIS), serta Jawatankuasa Kecil Perdagangan E-Commerce (ETS) ditubuhkan.

Menurut laporan itu, NECC akan menyerahkan cadangan rangka kerja kebangsaan itu kepada Kabinet tahun ini.

(END)